

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN
BAGI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

1. KEAHLIAN

Majlis bersama Jabatan bagi Universiti Sains Malaysia [selepas ini disebut sebagai "Majlis"] mengandungi ahli terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama , 6 ahli yang dilantik oleh Naib Canselor Universiti Sains Malaysia [selepas ini disebut sebagai "Pihak Pegawai"] dan 6 ahli yang dipilih oleh {Kesatuan Kakitangan Am, Universiti Sains Malaysia} dan 6 ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran yang mewakili Staf di Universiti Sains Malaysia [selepas ini disebut sebagai "Pihak Pekerja"].

2. PIHAK PEGAWAI

Ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai di mana Majlis Bersama Jabatan ditubuhkan di dalam Universiti Sains Malaysia seperti berikut:

- | | | |
|--------------------------------------|---|--------------------|
| a. Naib Canselor | - | Pengerusi |
| b. Timbalan Naib Canselor [HEA] | - | Ahli |
| c. Pendaftar | - | Ahli |
| d. Bendahari | - | Ahli |
| e. Timbalan Pendaftar [BPSM & -UPS*] | - | Ahli |
| f. Penolong Pendaftar [BPSM & -UPS*] | - | Setiausaha Bersama |

Perlantikan Pegawai hendaklah berdasarkan jawatan masing-masing.

3. PIHAK PEKERJA

3.1 Ahli bagi Pihak Pekerja terdiri daripada pekerja-pekerja di mana Majlis Bersama Jabatan ditubuhkan di dalam Universiti Sains Malaysia di mana berkenaan dan dilantik 6 orang wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran Universiti Sains Malaysia (PKAUSM) dan 8 wakil Kesatuan Kakitangan Am Universiti Sains Malaysia termasuk seorang wakil dari Kampus Kesihatan dan seorang wakil dari Kampus Kejuruteraan.

3.1.1 Wakil-Wakil Jemputan

Hendaklah terdiri daripada kumpulan yang mewakili untuk perbincangan isu Semasa Perjawatan Sahaja.

3.2 Ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh 1 atau 2 tahun mulai daripada tarikh pelantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli yang akan menggambilalih telah dilantik/dipilih.

3.3 Jika sesuatu jawatan dikosongkan dalam Majlis Pihak Pekerja disebabkan kematian, perletakan jawatan atau lain-lain, Majlis Pihak Pekerja mempunyai kuasa melantik mana-mana ahli lain untuk tujuan mengisi kekosongan itu.

4. PEGAWAI- PEGAWAI MAJLIS

4.1 Pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada dan dipilih oleh Pihak Pekerja dan beliau juga merupakan Pengerusi kepada Pihak Pekerja.

4.2 Kedua-dua pihak dalam Majlis hendaklah melantik seorang daripada ahlinya untuk memenuhi jawatan Setiausaha Bersama.

5. TUJUAN

5.1 Tujuan Majlis adalah untuk memperolehi seluas-luas kerjasama yang menyeluruh di antara pihak Pengurusan Universiti Sains Malaysia dengan Pihak Pekerja dengan pekerja yang bergaji di dalam Universiti Sains Malaysia

5.2 Dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan; untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat – syarat bekerja dan amnya.

5.3 Untuk mengumpul berbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil rasmi Universiti Sains Malaysia.

6. BIDANG DAN FUNGSI

6.1 Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis seperti berikut

- i. Membincangkan dan memutuskan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada berkaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali semua perkara mengenai pekerja perseorangan.

- ii. Membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;
- iii. Menggalakkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapat pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran berbagai Jabatan ; dan
- iv. Mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

7. MESYUARAT-MESYUARAT

- 7.1 Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah di adakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.
- 7.2 Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah terdiri daripada 3 orang ahli Pihak Pegawai, 3 orang Wakil Kesatuan Kakitangan Am dan 3 orang Wakil Persatuan Kakitangan Akademik.
- 7.3 Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.
- 7.4 Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi dan Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh Pegawai Majlis. Perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah kepada perkara yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat tersebut.

8. KEPUTUSAN.

- 8.1 Segala Keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan di antara kedua-dua belah pihak.
- 8.2 Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan-jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan bolehlah diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh Universiti Sains Malaysia. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan atau pun dengan jabatan-jabatan lain ianya hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam atau pun kepada Jabatan-jabatan berkenaan

9. PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana satu Mesyuarat Majlis. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan disediakan kepada ahli Majlis sekurang-kurangnya Satu Bulan sebelum tarikh mesyuarat. Segala Pindaan Perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipersetujui dan diluluskan.